

Wanita melintas jalan di LPT1 diarah jalani pemeriksaan mental

TEMERLOH – Wanita berusia 35 tahun yang ditahan susulan kejadian kemalangan maut melibatkan seorang penunggang motosikal berkuasa tinggi di Lebuhraya Pantai Timur (LPT1) di sini dihantar ke hospital bagi pemeriksaan mental.

Ketua Polis Daerah Temerloh, Asisten Komisioner Mazlan Hassan berkata, wanita berkenaan bersama seorang penumpang jip yang berhenti di bahu jalan direman sehingga hari ini.

“Wanita berkenaan dihantar ke hospital bagi pemeriksaan mental dan kita menunggu laporan perubahan dalam melengkapkan kertas siasatan.

“Siasatan masih giat dilakukan mengikut Seksyen 304 (A) Kanun Keseksaan,” katanya semalam.

Dalam kejadian kelmarin seorang penunggang motosikal berkuasa tinggi jenis Suzuki GSXR1000 berusia 34 tahun yang juga pemuzik Dewan Bandaraya Kuala Lumpur maut selepas motosikal diitunggangnya merempuh belakang sebuah trak pikap yang memperlahankan kenderaan secara tiba-tiba di Kilometer 98.6 di LPT1 di sini.

Dalam kejadian kira-kira pukul 4 petang itu sebuah kenderaan jenis Mitsubishi Triton yang be-



KEADAAN Suzuki GSXR1000 yang terbabit kemalangan di LPT 1, Temerloh, Jumaat lalu.

rada di laluan kanan telah membek secara tiba-tiba bagi mengelak seorang wanita yang melintas jalan sebelum motosikal jenis Suzuki GSX R1000 merempuh trak pikap berkenaan.

Menurut Mazlan, ujian air kencing terhadap kedua-dua suspek mendapati negatif dadah dan siasatan awal terhadap lelaki warga China berusia 37 tahun mendapati individu berkenaan tidak mempunyai pasport.

Tambahnya, siasatan awal juga mendapati kemalangan disebabkan kecuai pemandu kenderaan jenis Mitsubishi Pa-



KERATAN Kosmo! semalam.

jero Sport yang memberhentikan kenderaan di bahu jalan sebelum bertindak melintas jalan.